

Persepsi Majikan Terhadap Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Pekerja OKU (Fizikal) Di Industri Sederhana (Kejuruteraan Mekanikal) Daerah Johor Bharu.

Noraini Mohd Noor & Haslina Mohamad

Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini telah dijalankan terhadap majikan di industri sederhana (kejuruteraan mekanikal) di sekitar daerah Johor Bharu bertujuan untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pemilihan dalam pengambilan pekerja OKU (fizikal). Elemen pemilihan yang dikaji termasuklah kemahiran generik, kemahiran teknikal, kelayakan dan juga kemampuan fizikal dan mental golongan OKU (fizikal). Seramai 42 orang majikan telah dipilih untuk terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian yang digunakan ialah menggunakan borang set soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik. Ia mengandungi 36 item yang diukur dengan menggunakan Skala Likert dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS 12.0). Kajian rintis telah dijalankan di kalangan 10 orang majikan sekitar Taman Gembira, Johor Bharu. Darjah kebolehpercayaan bagi instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah nilai $\alpha = 0.843$. Analisis data dilakukan secara peratus, frekuensi dan min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek utama yang dititikberatkan oleh majikan dalam pengambilan pekerja OKU (fizikal) ialah aspek kemampuan fizikal dan mental (80 peratus) diikuti oleh aspek kemahiran generik (78.4 peratus), aspek kemahiran teknikal (71.6 peratus) dan akhir sekali ialah aspek kelayakan (66 peratus). Hasil kajian juga menunjukkan bahawa majikan memiliki pandangan positif terhadap pekerja OKU (fizikal) untuk menempatkan diri mereka di industri sederhana.

Katakunci : persepsi majikan, pemilihan pekerja OKU, industri sederhana

Pengenalan

Setiap manusia di dunia ini dijadikan oleh Allah s.w.t. dengan tujuan yang tertentu di mana kewujudan manusia itu sendiri yang bergelar “khalifah” merupakan suatu amanah. Tuntutan amanah itu menghendaki kita berusaha menjalani dan mengisi kehidupan ini dengan sebaik mungkin di dalam lingkungan syariat Islam tanpa mengira taraf insan normal atau OKU kerana kedua-duanya memikul amanah yang sama iaitu mencari keredhaan Allah s.w.t demi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat sebagaimana firman Allah s.w.t, “Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam membuat dosa dan pelanggaran, dan bertaqwalah kamu kepada Allah s.w.t., sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.” (Al-maidah(5):2).

Golongan orang kurang upaya (OKU) secara umumnya dapat dikategorikan kepada dua kumpulan utama iaitu kurang upaya secara kekal dan kurang upaya secara sementara. Antara mereka yang dikategorikan sebagai kurang upaya secara kekal ialah golongan cacat anggota, cacat pendengaran, cacat penglihatan dan warga tua. Manakala individu yang cedera, sakit dan mengandung dikategorikan sebagai kurang upaya secara sementara.

Menurut pengerusi Institut Pembangunan Keluarga Dan Kanak-kanak Nury, Dato’ Dr. Noor Laily Dato’ Abu Bakar (2006) menyatakan definisi OKU atau “Orang Kurang Upaya” ialah orang yang mengalami satu kecederaan otak dan sistem saraf yang mungkin bermula di dalam kandungan atau waktu kelahiran serta kadang-kadang selepas demam panas hasil dari serangan bakteria atau virus yang menyebabkan demam melarat ke dalam otak ataupun selepas

berlaku sesuatu kemalangan. Definisi lain bagi OKU ialah orang yang mengalami keterbatasan mobilitinya merujuk kepada jenis kecacatannya sama ada fizikal (anggota), mental (ringan, sederhana ataupun berat), penglihatan dan pendengaran. Tujuan istilah OKU ini diketengahkan adalah bagi mengelakkan sebutan orang cacat yang bermaksud melabelkan orang itu cacat daripada semua aspek (Hashim Omar 1991, Unit Pendidikan Khas, KPM).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Orang Kurang Upaya (OKU) tidak lagi boleh dianggap sebagai golongan yang hanya mengharap simpati dan perlu dibantu sebaliknya mereka juga boleh menjadi penyumbang kepada aset negara. Ia adalah sebahagian daripada konsep modal insan yang diketengahkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di mana kerajaan berpandangan jauh dan menganggap OKU perlu diubah agar menjadi aset yang boleh menyumbang kepada keperluan modal insan negara. Mereka (OKU) mungkin ada kekurangan tetapi kalau diberi kasih sayang dan didikan, mereka bukan sahaja dapat menyumbang kepada kesejahteraan mereka malah turut menyumbang kepada negara. Katanya lagi ketika berucap pada majlis Malam Amal Semai Bakti, ini ialah matlamat terakhir kita (kerajaan) untuk mengubah nasib OKU agar menjadi penyumbang kepada negara (Utusan Malaysia 18 September 2006).

Secara amnya mereka juga bukanlah golongan yang terlalu lemah hingga membebankan kepada yang menanggungnya. Ketidakupayaan mereka ini yang dapat dikategorikan kepada dua iaitu kelemahan fizikal dan kelemahan mental juga masih mempunyai kelebihan yang tersendiri. Di mana, masih ada anggota badan mereka yang lain boleh bekerja seperti insan biasa. Mereka yang ada masalah fizikal tidak semestinya dianggap lemah kerana golongan ini masih mampu menggunakan kecerdasan mental dan minda untuk menyumbang dalam kemajuan dalam ekonomi dan kemasyarakatan.

Pernyataan Masalah

Berdasarkan kepada isu kerjaya bagi golongan kurang upaya yang sukar mendapat tempat di sektor industri semakin diperkatakan, yang meliputi aspek peluang pekerjaan, kemahiran yang diperlukan, ditambah pula dengan kemampuan fizikal yang kurang, pandangan masyarakat, pihak industri dan sebagainya, maka satu kajian telah dibuat untuk mengkaji persepsi majikan terhadap faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerja OKU (fizikal) di industri sederhana (kejuruteraan mekanikal) daerah Johor Bharu.

Objektif Kajian

Beberapa objektif kajian telah dirangka sebagai garis panduan ke atas kajian yang dilakukan. Langkah ini amat perlu supaya matlamat kajian yang dirancang dapat dicapai dengan sepenuhnya. Objektif yang telah digariskan adalah :

- i. Mengenalpasti adakah faktor kemahiran generik yang dititikberatkan oleh majikan terhadap pemilihan pekerja OKU (fizikal) di industri sederhana (kejuruteraan mekanikal) daerah Johor Bharu.
- ii. Mengenalpasti adakah faktor kemahiran teknikal yang dititikberatkan oleh majikan terhadap pemilihan pekerja OKU (fizikal) di industri sederhana (kejuruteraan mekanikal) daerah Johor Bharu.
- iii. Mengenalpasti adakah faktor kelayakan diri yang dititikberatkan oleh majikan terhadap pemilihan pekerja OKU (fizikal) di industri sederhana (kejuruteraan mekanikal) daerah Johor Bharu.

- iv. Mengenalpasti adakah faktor kemampuan diri yang dititikberatkan oleh majikan terhadap pemilihan pekerja OKU (fizikal) di industri sederhana (kejuruteraan mekanikal) daerah Johor Bharu.

Kepentingan Kajian

Hasil daripada kajian dan penyelidikan ini maka diharap ianya akan dapat dijadikan panduan oleh pihak-pihak tertentu. Terdapat juga beberapa manfaat yang diperolehi hasil daripada kajian yang dijalankan. Antaranya manfaat kepada kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), majikan dan masyarakat.

Kerajaan : Diharapkan dapatan hasil kajian ini dapat dijadikan maklumat penting kepada pihak kerajaan untuk merangka lebih banyak program atau institusi yang boleh melibatkan golongan OKU sekaligus tidak di anaktirikan.

Badan-badan bukan kerajaan (NGO) : Dapatan hasil kajian ini juga boleh dijadikan rujukan kepada badan-badan bukan kerajaan untuk memberikan pembelaan yang sewajarnya kepada golongan ini dan juga memberikan bantuan-bantuan sampingan.

Majikan : Hasil kajian ini akan dapat menyedarkan para majikan bahawa golongan OKU juga boleh melakukan kerja sepertimana golongan biasa melakukan kerja. Para majikan ini perlulah memberikan peluang sama rata kepada golongan OKU untuk membuktikan kemahiran mereka dalam kerja seharian.

Masyarakat : Hasil kajian ini akan dapat menghapuskan sikap prejudis dan diskriminasi orang ramai terhadap golongan OKU malah dapat meyedarkan

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan menggunakan set soal selidik yang dijawab oleh majikan di industri sederhana sekitar Johor Bharu. Penyelidikan ini berbentuk deskriptif kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan.

Menurut Mohd Yusof (1996), menyatakan bahawa kajian deskriptif adalah kajian yang mengkaji peristiwa atau fenomena pada masa sekarang yang melibatkan penerangan, pemerhatian, analisis, perbandingan dan perkaitan. Berdasarkan kepada Tuckmen (1985), menyatakan bahawa kajian deskriptif menerangkan fenomena dengan menganalisis data deskriptif yang diperolehi dengan soal selidik atau media-media.

Penyelidikan deskriptif adalah asas kepada penyelidikan kuantitatif. Penyelidikan jenis ini akan berusaha mencari penghuraian yang tepat dan cukup mengenai aktiviti, objek, proses dan orang manakala penyelidikan tinjauan ialah kaedah yang paling sesuai dalam menghadkan sesuatu populasi yang besar (Ros Fadzilah, 2004:26).

Dalam penyelidikan ini majikan memberi jawapan terhadap soal selidik yang direka khas untuk meninjau faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan dalam pengambilan pekerja OKU (fizikal) di industri mereka.

Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Azizi Yahaya *et al* (2007:69), menyatakan sampel ialah sebahagian daripada populasi tanpa mengambil kira sama ada ia dapat menjadi wakil populasi ataupun sebaliknya. Populasi pula mengikut Mohd Najib (2003:81), ialah “sekumpulan masyarakat yang mempunyai ciri yang sama”. Pengambilan sampel dari populasi mestilah benar-benar mewakili populasi dan mestilah berupaya mengurangkan ralat pensampelan.

Populasi industri sederhana yang terlibat dalam bidang kejuruteraan mekanikal di Taman Daya seramai 50 orang. Oleh yang demikian, penyelidik hanya mengambil jumlah sampel seramai 44 orang sebagai responden untuk kajian ini. Penentuan jumlah sampel ini adalah berdasarkan kepada Azizi Yahaya *et al* (2007) dalam Jadual 1 iaitu jadual “Determining Sample Size for Research” oleh Krejcie dan Morgan (1970) seperti di bawah.

Jadual 1: Penentuan saiz sampel berdasarkan populasi Krejcie R.V dan Morgan D.W.

Populasi	Sampel
30	28
35	32
40	36
45	40
50	44
55	48
60	52

(Sumber : Krejcie R.V dan Morgan D.W., 1970)

Namun, atas masalah yang tidak dapat dikawal oleh penyelidik, sampel yang berjaya menjawab borang soal selidik adalah seramai 42 orang. Ini kerana terdapat sebilangan majikan yang terlibat dengan urusan luar semasa penyelidik datang untuk mengedarkan soal selidik.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik yang dibina oleh penyelidik sendiri. Soalan-soalan yang dibina adalah berdasarkan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan dalam pengambilan pekerja OKU (fizikal) di industri sederhana. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah jenis soal selidik untuk mendapatkan maklumat responden. Soalan-soalan ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A mengandungi 4 soalan berkaitan dengan latar belakang responden. Manakala Bahagian B mengandungi 32 soalan soal selidik yang mengandungi 4 item berkaitan dengan objektif kajian iaitu kemahiran generik, kemahiran teknikal, kelayakan dan kemampuan fizikal dan mental terhadap pemilihan pekerja OKU di industri sederhana.

Skala Likert jenis 5 mata digunakan untuk menilai dapatan. Responden hanya perlu membulatkan jawapan yang bersesuaian berlandaskan kategori.

Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan ke atas 10 orang majikan dari Taman Gembira, Johor Bharu. Semuanya dari kursus Kejuruteraan Mekanikal aliran vokasional. Penyelidik menggunakan *Alpha Cronbach* untuk pengujian bagi kebolehpercayaan item. Pekali kebolehpercayaan ini boleh digunakan kerana menurut Mohamad Najib (1999), nilai hampir kosong bermakna tahap kebolehpercayaan yang sangat rendah dan nilai yang hampir kepada satu ialah tahap kebolehpercayaan yang sesuai untuk sesuatu alat. Jadual 2 di bawah menunjukkan nilai *Alpha* dan kebolehpercayaan soal selidik.

Jadual 2 : Pekali *Alpha Cronbach*

Nilai	Tahap
0.0 – 0.2	Rendah (Ubah Kesemua Item)
0.2 – 0.8	Sederhana (Ubah Sebilangan Item)
0.8 – 1.0	Tinggi (Item Boleh Diterima)

Hasil analisis kajian rintis, nilai *Alpha Cronbach* bagi keseluruhan item ialah 0.843. Berdasarkan Jadual 3.4, nilai ini berada pada tahap tinggi dimana semua item boleh diterima dan tidak perlu diubah. Menurut Mohamad Najib (1999), instrumen yang dibina oleh penyelidik memerlukan kajian rintis untuk menguji keobjektifan, kesahan dan kebolehpercayaan soalan. Melalui kajian rintis, kebolehpercayaan soal selidik dapat ditentukan dimana kebolehpercayaan memberi darjah ketekalan dan ketepatan instrument pengukuran. Instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi akan member keputusan yang tekal atau hampir sama setiap kali ia digunakan dalam situasi yang setara. Sementara itu kajian rintis ini juga dapat membantu penyelidik menganggarkan tempoh masa dan proses mentadbir bagi soal selidik untuk kajian yang sebenar.

Analisis Keseluruhan

Hasil analisis keseluruhan menunjukkan bahawa faktor pengambilan pekerja OKU (fizikal) yang tertinggi ialah faktor kemampuan diri dengan min 4.00. Faktor ini boleh dikatakan sebagai faktor utama yang memberi kesan atau pengaruh kepada responden dalam membuat pemilihan pengambilan pekerja OKU (fizikal) di industry mereka.

Faktor kedua yang utama ialah faktor kemahiran generik dengan min 3.92 diikuti oleh faktor kemahiran teknikal dengan min 3.58. Seterusnya faktor yang paling minima kesannya dalam pemilihan pengambilan pekerja OKU (fizikal) di industri sederhana ialah faktor kelayakan diri dengan min 3.30.

Jadual 3 menunjukkan taburan min dan peratus bagi faktor pemilihan dalam pengambilan pekerja OKU (fizikal) di industri sederhana.

Jadual 3: Taburan min keseluruhan bagi faktor pemilihan pekerja OKU (fizikal) di industri sederhana.

Bil	Faktor Pemilihan	Min	Penilaian Skor Min
1.	Kemampuan Diri	4.00	Tinggi
2.	Kemahiran Generik	3.92	Tinggi
3.	Kemahiran Teknikal	3.58	Sederhana
4.	Kelayakan	3.30	Sederhana

Rumusan keseluruhan kajian

Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan jawapan terhadap faktor utama yang mempengaruhi pemilihan pekerja OKU (fizikal) di industri sederhana sekitar daerah Johor Bharu melibatkan empat faktor iaitu faktor kemahiran generik, kemahiran teknikal, kelayakan diri dan juga kemampuan diri.

Daripada sumber-sumber yang telah dibaca, kebanyakan majikan menyatakan keperluan bagi setiap pekerja adalah kemahiran generik dan juga kemahiran teknikal dalam menjalankan kerja seharian mereka. Majikan pada masa kini amat menitikberatkan kemahiran komunikasi

setiap pekerja walaupun pekerja tersebut daripada golongan normal atau kurang upaya. Bagi mereka, setiap pekerja perlu memperluaskan diri mereka dengan kemahiran komunikasi yang boleh mereka gunakan bagi menyampaikan sesuatu idea atau pendapat dalam setiap organisasi. Oleh sebab itu, kemahiran komunikasi amat penting dalam pemilihan bagi mendapatkan kerja malah menjadikannya satu kriteria terpenting yang dilihat oleh majikan dalam pemilihan setiap pekerja.

Seterusnya, penyelidik membuat sorotan kajian lepas berkenaan kajian yang hendak dijalankan merangkumi teori kerjaya dan juga semua kajian yang berkaitan faktor-faktor yang telah dinyatakan. Sorotan dikaitkan dengan faktor-faktor yang telah dikenal pasti dengan pembacaan yang telah dilakukan. Antara sumber pembacaan adalah daripada kajian lepas, hasil penulisan, buku, akhbar, majalah dan juga sumber maklumat daripada internet.

Instrumen kajian adalah set soal selidik yang diedarkan kepada 42 responden yang telah dikenal pasti. Responden adalah terdiri daripada majikan industri sederhana yang menjalankan pengusahaan dalam bidang mekanikal sekitar Taman Daya daerah Johor Bharu.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *Statistic Package for Social Science (SPSS 12.0) For Windows* dan dipersembahkan dalam bentuk frekuensi, peratusan dan nilai min. Bagi memudahkan penganalisan data, penyelidik telah mengurangkan nilai skor yang menunjukkan darjah persetujuan daripada lima kepada tiga iaitu ya, tidak pasti dan tidak.

Rujukan

Azizi Yahaya *et al.* (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Azlina Abu Bakar @ Mohd (2002). *Psikologi Personaliti Individu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.

Beri Peluang OKU Pegang Jawatan Penting. (2007, 24hb Disember). *Utusan Malaysia*

Clark & Klostoe (1995). *Training in Industry For Physical Handicapped*. California: Cole Publishin Co.

Dalldorf, M. R., Feichtner, S. H. and Weisgerber, R. A. (1989). *Social Competence and Employability Skills Curriculum*. Aspen Publishers, Inc.

Lee Ai Rene (2004). *Minat, Sikap Belajar Dan Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Di Kalangan Pelajar 4SPA Dalam Mata Pelajaran Teori Struktur (SPK 4322)*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda Pendidikan.

Mah Hassan Haji Omar (2002). *Draf Akta Orang Cacat 2002*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Orang Buta Malaysia.

Malaysia (1991). *Rancangan Malaysia Ke-6 (1991-1995)*. Kuala Lumpur : Jabatan Perdana Menteri.

Oxford American Dictionary and Thesaurus with Language Guide (2003). United States of America: Oxford University Press.

Price B. (1991). *School Industry Links: The Consequences of Minding Other People's Business*. Australia: The Australian Council for Educational Research Ltd (ACER).

Super, D.E. (1963). *The Psychology of Careers*. New York : Harper and Row.

Tanggapan Terhadap OKU Perlu Diubah. (2006, 18hb September). *Utusan Malaysia*. The World Book Dictionary (1992). Vol 1. United States of America. World Book, Inc. Verhaaren, P. and Connor, F. (1981). *Physical Disabilities, Handbook of Special Education*. Prentice Hall. New Jersey.

Wan Azmi Ramli. (1984). *Latihan Satu Hala Cara Profesional*. Pulau Pinang: Fajar Bakti.